



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**KEGAGALAN MENGEMUKAKAN
MAKLUMAT DALAM TEMPOH**

KETETAPAN UMUM NO. 3/2015

TARIKH PENERBITAN: 29 JULAI 2015



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**KEGAGALAN MENGEMUKAKAN
MAKLUMAT DALAM TEMPOH**

**Ketetapan Umum No. 3/2015
Tarikh Penerbitan: 29 Julai 2015**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2015 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**KEGAGALAN MENGEMUKAKAN
MAKLUMAT DALAM TEMPOH**

**Ketetapan Umum No. 3/2015
Tarikh Penerbitan: 29 Julai 2015**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan	1
5. Kuasa Meminta Maklumat	3
6. Kewajipan Menyimpan Rekod dan Dokumen	3
7. Rekod dan Dokumen Tidak Dikemukakan dalam Tempoh yang Ditetapkan	4
8. Pertimbangan bagi Keadaan Luar Kawalan	6

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai pendapatan terhadap pembayar cukai yang gagal mengemukakan maklumat dalam tempoh yang ditetapkan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, subseksyen 33(1) dan 39(1A), seksyen 81, 82 dan 82A.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Ketua Pengarah” bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dan termasuk mana-mana pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri yang diberi kuasa sewajarnya oleh beliau.
- 3.2 “Notis” bermaksud surat pemberitahuan yang dikeluarkan kepada pembayar cukai di bawah Seksyen 81 ACP.
- 3.3 “Pembayar cukai” atau “Orang” termasuklah suatu syarikat, suatu badan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.4 “Perbadanan tunggal” diertikan dengan pengertian biasa yang merujuk kepada suatu perjawatan, dipegang dari semasa ke semasa oleh individu yang berlainan.
- 3.5 “Perkongsian liabiliti terhad” bermaksud perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743].
- 3.6 “Syarikat” bermaksud suatu badan korporat dan termasuk badan orang yang ditubuhkan di bawah entiti undang-undang berasingan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang wilayah di luar Malaysia dan amanah perniagaan.

4. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan

- 4.1 Subseksyen 39(1A) ACP yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014 memperuntukkan bahawa dalam mengira pendapatan larasan pembayar cukai, potongan perbelanjaan daripada pendapatan kasar tidak dibenarkan jika pembayar cukai gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah (KP) di bawah seksyen 81 ACP yang menghendaki pembayar cukai mengemukakan maklumat yang berkenaan dengan potongan yang

dituntut oleh pembayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan atau selepas suatu tempoh yang dibenarkan oleh KP.

- 4.2 Dalam menjalankan kuasanya di bawah Seksyen 81, KP akan mengenalpasti secara khusus dan jelas jenis perbelanjaan yang mana maklumat tentangnya adalah diperlukan dan akan menyatakan dokumen pengesahan yang perlu dikemukakan kepada KP supaya pembayar cukai boleh mengemukakan dokumen tersebut dengan tepat.

Potongan hanya akan dibenarkan jika dokumen yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah seksyen 81 ACP yang dikemukakan oleh pembayar cukai menepati apa yang diperlukan oleh KP.

Contoh 1

AZT Sdn Bhd adalah pembekal produk makanan di Kuala Lumpur. Syarikat menuntut potongan sebanyak RM50,000 untuk kos pengangkutan yang dilakukan untuk menghantar barangan kepada pelanggan.

Semasa pengauditan, AZT Sdn Bhd tidak dapat memberikan sebarang dokumen sokongan bagi menyokong tuntutan yang dibuat. Oleh itu, suatu notis di bawah seksyen 81 ACP telah dikeluarkan kepada AZT Sdn Bhd untuk mengemukakan invoice, resit dan baucar bayaran yang berkaitan dengan tuntutan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh KP.

Jika syarikat boleh mengemukakan dokumen sokongan sebagaimana yang diminta dalam notis itu dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh KP, perbelanjaan sebanyak RM50,000 akan dibenarkan sebagai potongan.

Contoh 2

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1 kecuali AZT Sdn Bhd gagal mengemukakan invoice dan resit. Syarikat hanya mengemukakan baucar bayaran bagi menyokong tuntutan. Perbelanjaan sebanyak RM50,000 tidak akan dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 39(1A) ACP.

Contoh 3

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1 kecuali AZT Sdn Bhd gagal mengemukakan resit dan baucar bayaran. Syarikat hanya mengemukakan invoice bagi menyokong tuntutan. Perbelanjaan sebanyak RM50,000 tidak akan dibenarkan sebagai potongan di bawah subseksyen 39(1A) ACP.

5. Kuasa Meminta Maklumat

KP mempunyai kuasa untuk meminta daripada pembayar cukai sebarang maklumat dan butiran yang dikehendakinya. Maklumat dan butiran boleh diperolehi sama ada secara lisan atau secara bertulis dalam tempoh yang ditetapkan.

Maklumat dan butiran bagi maksud KU ini adalah rekod dan dokumen sokongan yang terdiri daripada –

- (a) buku akaun yang merekod penerimaan dan pembayaran atau pendapatan dan perbelanjaan;
- (b) invois, baucar, resit dan dokumen lain untuk mengesahkan perkara yang tercatat dalam buku akaun;
- (c) bahan-bahan yang disimpan dalam bentuk medium elektronik yang mudah dibaca dan boleh ditukar kepada bentuk bertulis. Dokumen dalam bentuk asal hendaklah dikekalkan sekiranya dokumen tersebut disimpan dalam bentuk manual sebelum ini dan kemudiannya ditukar kepada bentuk elektronik; dan
- (d) apa-apa rekod dan dokumen lain yang ditetapkan oleh KP.

6. Kewajiban Menyimpan Rekod dan Dokumen

Setiap pembayar cukai dikehendaki menyimpan rekod dan dokumen bagi tujuan menentukan pendapatan bercukai dan cukai yang kena dibayar. Apabila diaudit, rekod dan dokumen ini diperlukan untuk menyokong tuntutan perbelanjaan yang dibuat dalam borang nyata cukai pendapatan (BNCP) yang telah dikemukakan kepada KP.

Menurut seksyen 82 dan 82A ACP, rekod dan dokumen hendaklah disimpan bagi tempoh tujuh tahun daripada akhir tahun taksiran yang di dalamnya BNCP dikemukakan.

Penjelasan lanjut boleh diperolehi daripada KU berikut:

- (a) KU No. 4/2000 (Dipinda) – Penyimpanan Rekod yang Mencukupi (Syarikat & Koperasi);
- (b) KU No. 5/2000 (Dipinda) – Penyimpanan Rekod yang Mencukupi (Individu & Perkongsian); dan


- (c) KU No. 6/2000 (Dipinda) – Penyimpanan Rekod yang Mencukupi (Orang Selain daripada Syarikat, Koperasi atau Individu).

7. Rekod dan Dokumen Tidak Dikemukakan dalam Tempoh yang Ditetapkan

Subseksyen 39(1A) ACP adalah satu peruntukan khusus untuk tidak membenarkan perbelanjaan yang dituntut oleh pembayar cukai jika pembayar cukai gagal mengemukakan rekod dan dokumen sokongan sesuatu perbelanjaan dalam tempoh yang ditetapkan melalui notis yang dibuat di bawah seksyen 81 ACP.

- 7.1 Dalam kes pengauditan, pembayar cukai akan dikehendaki menyedia dan mengemukakan rekod dan dokumen sokongan perbelanjaan dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis. Kegagalan pembayar cukai untuk mengemukakan dokumen tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu akan menyebabkan perbelanjaan yang dituntut tidak dibenarkan sebagai potongan.
- 7.2 Permohonan lanjutan masa boleh diberi dan bergantung kepada merit kes jika:
- (a) permohonan dibuat sebelum tamat tempoh masa yang dinyatakan dalam notis berkenaan; dan
 - (b) alasan yang dikemukakan adalah munasabah dan boleh diterima.
- 7.3 Sekiranya permohonan lanjutan masa tidak dipohon sebelum tamat tempoh masa yang dinyatakan dalam notis atau permohonan lanjutan masa telah dibenarkan tetapi pembayar cukai masih gagal mengemukakan rekod dan dokumen yang diminta oleh KP, maka tuntutan perbelanjaan tidak akan dibenarkan sebagai potongan.
- 7.4 Makluman lanjutan masa juga akan dikeluarkan dalam bentuk notis di bawah seksyen 81 ACP yang akan menyatakan sama ada permohonan lanjutan masa yang dipohon oleh pembayar cukai diluluskan atau sebaliknya dan juga tempoh lanjutan masa yang diluluskan oleh KP untuk mengemukakan rekod dan dokumen sokongan.

Ilustrasi Kegagalan Mengemukakan Maklumat dalam Tempoh yang Ditetapkan adalah digambarkan seperti berikut:



Contoh 4

Rania Beauty Sdn Bhd (RBSB) telah menaja aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan yang diluluskan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang diadakan di Istana Budaya dalam tahun 2014. Perbelanjaan yang dilakukan untuk menaja aktiviti tersebut berjumlah RM250,000 dan RBSB menuntut potongan perbelanjaan tersebut seperti diperuntukkan di bawah perenggan 34(6)(k) ACP.

Semasa pengauditan, RBSB tidak dapat mengemukakan surat kelulusan penajaan daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (dokumen sokongan). Oleh itu, notis di bawah seksyen 81 ACP dikeluarkan dan RBSB diberi tempoh masa untuk mengemukakan dokumen sokongan yang diminta oleh KP.

Selepas tempoh yang ditetapkan seperti disebut dalam notis berakhir, RBSB masih gagal mengemukakan dokumen sokongan tersebut. Oleh itu, perbelanjaan sebanyak RM250,000 tidak dibenarkan sebagai potongan menurut peruntukan subseksyen 39(1A) ACP.

Contoh 5

Fakta adalah sama seperti di Contoh 4 kecuali RBSB memohon lanjutan masa.

RBSB memberi alasan dokumen sokongan perbelanjaan tersebut telah disimpan di cawangan RBSB dan memerlukan masa untuk mengambilnya. Alasan RBSB diterima dan permohonan lanjutan masa dibenarkan.

RBSB telah mengemukakan dokumen sokongan dalam tempoh lanjutan masa yang diberi. Oleh itu, RBSB dibenarkan menuntut bayaran RM250,000 sebagai perbelanjaan penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dalam tahun taksiran 2014.

Contoh 6

Fakta adalah sama seperti di Contoh 5 kecuali dokumen sokongan tidak dikemukakan.

RBSB gagal mengemukakan dokumen sokongan dalam tempoh yang ditetapkan seperti disebut dalam notis pemberitahuan lanjutan masa. Maka, perbelanjaan sebanyak RM250,000 tidak dibenarkan sebagai potongan menurut peruntukan subseksyen 39(1A) ACP.

8. **Pertimbangan bagi Keadaan Luar Kawalan**

Bagi keadaan di luar kawalan pembayar cukai iaitu jika rekod dan dokumen tidak dapat dikemukakan kerana hilang atau musnah seperti bencana alam akibat

daripada kebakaran dan banjir, kecurian, penyalahgunaan wang tunai dan sebagainya, pembayar cukai hendaklah membuktikan berlakunya keadaan di luar kawalan dengan mengemukakan rekod atau dokumen berikut:

- (a) keratan akhbar, gambar dan laporan polis;
- (b) bukti-bukti lain yang sesuai dan munasabah; atau
- (c) rekod atau dokumen daripada pihak ketiga.

KP boleh memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk membenarkan potongan perbelanjaan jika pembayar cukai telah berusaha dengan sedaya upayanya untuk mengemukakan salah satu daripada rekod atau dokumen seperti tersebut di atas.

Walau bagaimanapun, pengemukaan rekod atau dokumen di atas tertakluk kepada kelulusan KP yang berpuas hati bahawa tiada sumber lain bagi syarikat untuk memperolehi rekod atau dokumen yang diminta.

Sekiranya pembayar cukai dapat mengemukakan bukti sokongan serta alasan yang munasabah bagi ketidakupayaan mengemukakan rekod atau dokumen seperti yang diminta, KP akan memberi pertimbangan untuk membenarkan potongan perbelanjaan yang dituntut.

Nota : Bukti sokongan yang diperlukan untuk kehilangan rekod atau dokumen yang disebabkan oleh kecurian atau penyalahgunaan wang tunai boleh dirujuk dalam KU No. 4/2012 bertajuk "Potongan bagi Kerugian Wang Tunai dan Layanan ke atas Pemulihannya".

Contoh 7

Fresh Sdn Bhd adalah pembekal santan segar bagi kawasan di sekitar Lembah Kelang dan menuntut potongan perbelanjaan penyelenggaraan mesin pemerah santan automatik berjumlah RM25,000. Syarikat gagal mengemukakan invois perbelanjaan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam notis dengan alasan bahawa semua invois telah musnah dalam satu kebakaran di bahagian stor penyimpanan dokumen.

Syarikat telah mengemukakan laporan polis dan gambar premis yang terbakar sebagai bukti. Laporan senarai aset dan dokumen yang musnah dalam kebakaran telah disedia dan dikemukakan kepada KP sebagai bukti sokongan.

Perbelanjaan boleh dipertimbangkan sebagai potongan kerana syarikat dapat membuktikan invois tidak dapat dikemukakan atas sebab-sebab di luar kawalan syarikat dan Ketua Pengarah berpuas hati dengan alasan syarikat bahawa tiada sumber lain bagi syarikat untuk memperolehi invois tersebut.

Laporan senarai aset dan dokumen berkaitan boleh diterima sebagai ganti invoice bagi membolehkan perbelanjaan penyelenggaraan diberi potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP.

Nota : Jika KP mendapati bahawa dokumen sokongan boleh diperoleh daripada pihak ketiga tetapi syarikat tidak berusaha mendapatkannya, maka laporan senarai aset tidak akan diterima sebagai ganti invoice perbelanjaan penyelenggaraan. Oleh itu, perbelanjaan penyelenggaraan berjumlah RM25,000 tidak dibenarkan sebagai potongan menurut peruntukan subseksyen 39(1A) ACP.

Contoh 8

Eubos Engineering Sdn Bhd membeli suatu polisi hayat sementara “key-man” atas nyawa pengarah urusannya dengan premium tahunan RM35,000. Syarikat menuntut perbelanjaan premium ini sebagai potongan daripada pendapatan kasar.

Syarikat gagal mengemukakan dokumen polisi insurans “key-man” dan resit bayaran untuk pengesahan bayaran premium tersebut dengan alasan bahawa semua dokumen telah musnah dalam kejadian banjir kilat yang melanda kawasan pejabat. Syarikat telah mengemukakan keratan akhbar sebagai bukti menunjukkan sekitar kawasan yang terlibat termasuk kawasan kilang syarikat yang dilanda banjir. Tiada lanjutan masa dipohon oleh syarikat dalam tempoh masa yang diberi dalam notis.

Ketua Pengarah berpendapat alasan syarikat tidak munasabah kerana syarikat boleh mendapatkan dokumen berkenaan daripada syarikat insurans yang mengeluarkan polisi tersebut.

Walaupun syarikat dapat membuktikan dokumen tidak dapat dikemukakan atas sebab-sebab di luar kawalan syarikat, tetapi syarikat tidak berusaha mendapatkan dokumen tersebut daripada pihak ketiga iaitu syarikat insurans. Oleh itu, perbelanjaan RM35,000 tidak dibenarkan sebagai potongan menurut peruntukan subseksyen 39(1A) ACP.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**